



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEHALUSAN BUDI DALAM KARYA RAJA ALI HAJI

ABDUL MALIK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



KEHALUSAN BUDI DALAM KARYA RAJA ALI HAJI

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis kehalusan budi berkaitan dengan diri sendiri, keluarga, masyarakat, dan kepimpinan. Kehalusan budi juga dimaksudkan ketika berhubung dengan makhluk selain manusia dan dengan Allah S.W.T. Analisis berdasarkan lima buah puisi tradisional Raja Ali Haji iaitu *Syair Abdul Muluk*, *Gurindam Dua Belas*, *Thamarat al-Muhimmah*, *Tuhfat al-Nafis*, dan *Syair Sinar Gemala Mestika Alam*. Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori semiotik janaan Charles Sanders Peirce dan juga teori pragmatik untuk mendapatkan makna teks berdasarkan kualiti fikiran, perasaan, idea, sifat, sikap, dan perilaku yang menjadi indeks kehalusan budi. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa karya Raja Ali Haji mengandungi kualiti kehalusan budi yang bersesuaian dengan ajaran agama Islam. Berdasarkan teori semiotik, kehalusan budi dalam karya Raja Ali Haji terdiri daripada empat. Pertama, qualisign ikonik rhematik iaitu kualiti sedia ada pada individu yang memiliki kehalusan budi. Kedua, sinsign indeksikal rhematik berkaitan dengan tingkah laku seseorang yang dapat didengar atau diamati. Ketiga, legisign indeksikal dicent iaitu lambang yang bermakna informasi merujuk kepada peraturan tertentu berdasarkan agama Islam dan nilai-nilai Melayu. Keempat, argument iaitu kesimpulan yang dibuat oleh Raja Ali Haji yang dihubungkan dengan alasan tertentu. Kesimpulannya, karya Raja Ali Haji didapati kaya dengan nilai-nilai kehalusan budi, Implikasinya, karya Raja Ali Haji boleh dimanfaatkan sebagai pedoman hidup dan sesuai dijadikan rujukan untuk pendidikan budi pekerti, sama ada di dalam rumah tangga, institusi pendidikan, dan juga dalam masyarakat.





REFINEMENT OF “BUDI” IN THE WORKS OF RAJA ALI HAJI

ABSTRACT

The study was carried out to analyze the refinement of óbudiô associated with self, family, community and leadership. The refinement of óbudiô is defined while interacting with other human beings and Allah S.W.T. The analysis is based on five tradisional poems, Raja Ali Haji that is *Syair Abdul Muluk*, *Gurindam Dua Belas*, *Thamarat al-Muhimmah*, *Tuhfat al-Nafis* and *Syair Sinar Gemala Mestika Alam*. The theory used in this study were the semiotic theory of Charles Sanders Peirce and the pragmatic theory to get the meaning of the text based on the quality of thoughts, feelings, ideas, behavior, attitudes and behaviors that become óbudiô refinement index. The findings revealed that the works Raja Ali Haji contains refined óbudiô which was appropriate with the Islamic teaching. Based on the semiotic theory, there were four óbudiô refinement in Raja Ali Haji work. First, rheumatic iconic qualisign wich was the inherent quality of the individuals who have óbudiô refinement. Second, rheumatic indexical sinsign related to the behavior of someone who can be heard or observed. Third, the legisign indexical dicent is the emblem wich means information referring to certain rules based on the teaching of Islam and Malay values. Fourth, was argument that conclusion made by Raja Ali Haji was connected to a specific reason. In conclusion, by Raja Ali Haji was found to be rich in the values of óbudiô refinement. The implication, by Raja Ali Haji work can be used as a way of life and be a useful reference for óbudiô character education, whether in the home, educational institutions and society as well.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	22
1.3 Persoalan Kajian	24
1.4 Objektif Kajian	25
1.5 Signifikan Kajian	28
1.6 Skop dan Batasan Kajian	30
1.7 Kerangka Kajian	32
1.8 Reka Bentuk Kajian	35
1.9 Definisi Operasional	42



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	160
2.1 Pengenalan	160
2.2 Kajian Lepas	161
BAB 3 METODOLOGI	175
3.1 Pengumpulan Data	175
3.2 Teks yang Dikaji	176
3.3 Teknik Pengumpulan Data	180
3.4 Teknik Analisis Data	181
3.5 Teori yang Digunakan	182
BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	217
4.1 Pengenalan	217
4.2 Kehalusan Budi dalam Perhubungan Manusia dengan Diri Sendiri	219
4.3 Kehalusan Budi dalam Perhubungan Manusia dengan Keluarga	299
4.4 Kehalusan Budi dalam Perhubungan Manusia dengan Masyarakat	376
4.5 Kehalusan Budi dalam Perhubungan dengan Kepimpinan	416
4.6 Kehalusan Budi dalam Perhubungan Manusia dengan Makhluk Selain Manusia	424
4.7 Kehalusan Budi dalam Perhubungan Umat Islam dengan Rasulullah SAW	428
4.8 Kehalusan Budi dalam Perhubungan Manusia dengan Allah	461

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	518
5.1 Kesimpulan	518
5.2 Cadangan	523
RUJUKAN	525



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Nilai-Nilai Budi Pekerti	68
3.1 Aspek-Aspek Tipologi Lambang mengikut Peirce	200



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Perhubungan antara Melayu dan Islam	9
1.2 Perhubungan antara Hati dan Budi	64
3.1 Segi Tiga Ogden dan Richards	205
3.2 Teori-Teori Makna	206





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Latar Belakang Kajian

Kehalusan budi yang dihargai dan diamalkan oleh sesuatu masyarakat atau bangsa sangat berkaitan dengan budaya dan tamadun yang mereka kembangkan. Budaya dan tamadun pula mempunyai perhubungan yang erat kerana budaya masyarakat yang tinggi dan terpuji menandakan kehidupan yang bertamadun. Mengikut Abdul Latiff Abu Bakar (2010:1), budaya kehidupan sesebuah masyarakat merujuk kepada tata cara mereka bertindak ke atas lingkungan hidup mereka, termasuk lingkungan sosial, dalam menyelenggarakan kehidupan secara kolektif. Masyarakat yang berbudaya tinggi sudah pasti mempunyai kehalusan budi dan kesempurnaan moral yang juga merupakan ciri-ciri kehidupan bertamadun.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Istilah *tamadun* tidak hanya merujuk kepada kemajuan kebendaan (material) sesebuah masyarakat. Sebenarnya istilah *tamadun* ditinjau dari sudut etimologi berasal daripada kata *maddana* dalam bahasa Arab. *Maddana* merupakan kata kerja (*verb*) yang merujuk kepada perbuatan ‘membuka bandar atau kota serta perbuatan memperhalus budi pekerti’. Daripada perkataan *maddana* ini terbentuk pula perkataan *madani* yang merupakan kata sifat (*adjective*). *Madani* merujuk kepada makna ‘sifat sesuatu yang berkaitan dengan pembangunan perbandaran serta kehalusan budi pekerti yang terpuji’. Kedua-dua perkataan *maddana* dan *madani* sendiri sebenarnya berasal daripada *din* yang bermakna ‘agama’ iaitu menggambarkan kehidupan beragama (Mohd. Zuhdi, 2006). Ini bermakna tamadun berkaitan dengan perkembangan peradaban yang bercirikan kehalusan budi yang dibina oleh manusia berdasarkan nilai-nilai agama yang diyakini dan dianutnya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Pengertian tamadun berdasarkan etimologi seperti yang dikemukakan itu, secara tidak langsung menegaskan dua perkara yang penting dalam memberikan takrifan (definisi) yang lengkap terhadap istilah tamadun. Pentakrifan tamadun yang lengkap harus menggabungkan kedua-dua perkara itu yang berkaitan dengan kehalusan budi pekerti dan pembangunan perkotaan atau petempatan. Secara lebih sempurna, tamadun boleh ditakrifkan sebagai jumlah pencapaian dan pembangunan dalam segala perlakuan, pemikiran, dan kemajuan (seperti sains, teknologi, kesenian, kesusasteraan, dan lain-lain) yang tinggi, baik, halus, dan sopan ke arah pembentukan pribadi dan masyarakat yang memiliki keperibadian, tata susila, dan budi pekerti yang terpuji untuk membentuk sebuah masyarakat atau negara bangsa.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Tamadun juga sering disamakan pengertiannya dengan *peradaban*¹ yang membawa makna keadaan dan tingkat kemajuan pada kehidupan jasmani dan rohani dalam sesebuah bangsa dan atau masyarakat. Selain itu, perkataan yang sering digunakan dalam bahasa Inggris untuk memberi maksud tamadun ialah *civilization*. Perkataan itu berasal daripada perkataan *civitas* dalam bahasa Latin yang bermaksud ðandarö atau ðkotaö. Istilah *civilization* juga bermaksud penggabungan antara ketinggian budaya dan kemajuan kebendaan (material).

Kehidupan yang berbudi pekerti mulia dan bermoral tinggi merupakan satu hal yang penting dalam kehidupan bertamadun. Pembinaan sifat yang seperti ini pada diri seseorang begitu berkaitan erat dengan kepercayaan yang diterima, manakala kepercayaan seseorang pula merujuk kepada kehidupannya sebagai manusia beragama. Peranan agama dalam membentuk pandangan sejagat (*universal*) seseorang dan sesebuah masyarakat serta perilaku tindakan mereka dalam kehidupan memang sangat penting. Di sini dapat diperlihatkan bagaimana agama mempunyai kaitan yang begitu erat dengan tamadun sebagaimana yang digambarkan oleh tamadun-tamadun Melayu pada masa silam (Abdul Latiff Abu Bakar, 2010:2).

Melayu dan tamadun (peradapan)-nya tergolong satu di antara tamadun yang cukup tua di dunia. Berdasarkan bukti-bukti prasejarah yang diperoleh, bangsa Melayu dijangka telah ada sejak 4.000 tahun yang lalu iaitu bermula dalam 2.000 S.M. (Proto Melayu, Melayu Tua).

¹ Mengikut Abdul Latiff Abu Bakar dalam kertas kerja beliau öKepulauan Riau sebagai Pusat Kebudayaan Melayuö (2010:1ö 2), perkataan bahasa Arab lain yang juga digunakan untuk mentakrifkan tamadun ialah *hadarah* yang berasal daripada perkataan *hadara* yang merujuk kepada perbuatan duduk di bandar dan perilaku kehidupan yang tinggi.



Hal itu berarti bahawa tamadun Melayu mempunyai sejarah yang panjang dan masih berterusan hingga setakat ini. Tamadun Melayu itu mempunyai wilayah geografi yang luas iaitu sebuah wilayah samudera yang berwujud tamadun maritim. Tamadun Melayu merupakan satu-satunya tamadun maritim di dunia (Abdullah Hasan, 2010:1). Dengan demikian, walaupun terdapat banyak pusat tamadun Melayu dalam sejarahnya yang panjang, pada hakikatnya ia adalah sebuah tamadun yang sama dalam sebuah kesinambungan. Tamadun Melayu dialami oleh manusia yang mengongsi himpunan memori yang sama iaitu orang Melayu. Tamadun Melayu tumbuh, berkembang, dan maju dalam kestabilan politik yang lama dan berterusan yang dinaungi oleh perundangan-undangan dan budaya yang lengkap.

Dengan tamadunnya, bangsa Melayu sedikit atau banyak memiliki ciri yang berbeza dari bangsa-bangsa lain. Bangsa Melayu memiliki jati dirinya sendiri yang dipelihara semenjak awalnya dan tetap berterusan sampai sekarang. Kenyataan itu sesuai dengan firman Allah SWT. di dalam Al-Quran, Surah Al-Hujurat, ayat 13 yang berbunyi sebagai berikut:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا
وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ إِنَّ اللَّهَ
عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Ertinya:

ôWahai manusia, sesungguhnya kami menciptakan kamu daripada laki-laki dan perempuan dan kami menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak supaya kamu berkenal-



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

kenalan, sesungguhnya semulia-mulianya kamu di sisi Allah ialah orang yang bertakwa di antara kamu.ô (Q.S. Hujuraat:13).²

Firman Allah itu dengan tegas menyatakan bahawa adalah hak semua bangsa untuk hidup secara damai dan sejahtera dengan jati dirinya masing-masing kerana Allah-lah yang menciptakan bangsa-bangsa di dunia ini dengan puak-puaknya sekalian, termasuklah bangsa Melayu. Di dalam pergaulan hidup di dunia ini kita pun diwajibkan untuk saling mengenali antara satu sama lain supaya lebih memahami kebesaran Allah SWT. Akan tetapi, yang paling mustahak adalah setiap bangsa akan dimuliakan Allah kalau bangsa itu bertakwa kepada-Nya. Ketakwaan sebagai kewujudan atau bahagian daripada budi itulah yang harus ditunjuk dan diamalkan oleh bangsa Melayu supaya jati dirinya diangkat oleh Allah ke derjat yang tinggi lagi mulia. Hal utama itulah yang harus terus dipertahankan oleh bangsa Melayu di dalam persaingan dengan bangsa-bangsa lain dalam era globalisasi ini sehingga bangsa Melayu tetap jaya sampai bila-bila masa pun.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Asal-muasal dan sejarah bangsa Melayu telah lama dikenal. Hasil penyelidikan terkini yang dilakukan oleh Prof. Liang Liji daripada Universiti Beijing, Cina, membuktikan bahawa dalam kurun ke-17ò 11 S.M. telah terjadi perhubungan antara bangsa Melayu dan bangsa Cina. Di dalam perpustakaan Dinasti Han, *On Shu Oi Li Zhi*, disebutkan bahawa pada masa Maharaja Han Wu Di berkuasa (140ò 87 S.M.) telah dibuka perjalanan daripada Negeri Cina ke India melalui Semenanjung Tanah Melayu. Seterusnya, Maharaja Sun Quan dalam 222ò 252 M. mengirim Zhu Ying dan Kang Tai untuk menjalin persahabatan dengan Negeri-Negeri Melayu

² Terjemahan ayat-ayat suci Al-Quran di dalam disertasi ini merujuk kepada Ahmad Zacky El-Syafa, *Indeks Lengkap Ayat-Ayat Al-Quran*, Mutiara Media, Yogyakarta, 2011. Kerana terjemahan itu ditulis dalam bahasa Indonesia, penyesuaiannya ke dalam bahasa Melayu Malaysia dilakukan oleh penyelidik.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

(Liang Liji, 2010). Selepas itu, barulah datang Yi Jing dan para pendeta agama Budha ke Sriwijaya untuk belajar agama Budha mulai kurun ke-7 M.

Oleh sebab wilayah di luar Kepulauan Melayu di Tenggara Asia tidak pernah menjadi wilayah konsentrasi, aktiviti perdagangan, intelektual, dan budayalah yang aktif. Sebenarnya, aspek intelektual ini adalah suatu yang sangat penting dalam tamadun Melayu. Di mana sahaja tempat atau kawasan yang pernah menjadi pusat pemerintahan sultan atau raja Melayu, kita akan mendapati lahirnya intelektual yang menghasilkan karya agama (falsafah) dan epik-epik Melayu, semenjak tradisi Melayu Hindu-Budha seperti yang dilaporkan oleh I-Tsing sehingga kerajaan-kerajaan Melayu Islam di Aceh, Medan, Palembang, Melaka, Perak, Patani, dan Riau-Johor (Abdullah Hasan, 2010:5).

Itu bermakna satu di antara ciri yang paling menonjol daripada setiap kemuncak tamadun Melayu ialah berkembangnya tradisi intelektual. Tidak diragukan lagi bahawa tradisi intelektual menjadi ciri utama tamadun Melayu yang terus dipertahankan oleh dunia Melayu zaman-berzaman di mana pun pusat tamadun Melayu itu berada dan bila masa pun ianya ada.

Sejauh yang dapat ditelusuri, kemuncak pertama kejayaan tamadun Melayu terjadi sejak kurun ketujuh (633 M.) sampai dengan kurun keempat belas (1397 M.) iaitu pada masa Kemaharajaan Sriwijaya. Mengikut Kong Yuan Zhi (1993:1), dalam November 671 pendeta agama Budha Yi Jing (635-713), yang juga lebih dikenal dengan nama I-tsing, berlayar daripada Guangzhou (Kanton) menuju ke India. Kurang dari dua puluh hari dia sampai di Sriwijaya, yang waktu itu sudah menjadi pusat pengajian ilmu agama Budha di Asia Tenggara. Di Sriwijayalah selama lebih kurang setengah tahun Yi Jing belajar *sabdawidya* (tata bahasa Sanskrit) sebagai persiapan

melanjutkan perjalanannya ke India. Setelah tiga belas tahun belajar di India (Tamralipiti/Tamluk), dia datang kembali ke Sriwijaya dan menetap di sana selama empat tahun (686-689) untuk menyalin kitab-kitab suci agama Budha. Setelah itu dia pulang ke negerinya, tetapi dalam tahun yang sama dia datang kembali ke Sriwijaya dan menetap di sana sampai 695.

Daripada catatan Yi Jing itu dapatlah diketahui bahawa bahasa yang disebutnya sebagai *bahasa Kunlun* digunakan secara luas sebagai bahasa rasmi kerajaan, bahasa agama, bahasa ilmu pengetahuan, bahasa perniagaan, dan bahasa dalam komunikasi sehari-hari masyarakat. Ringkasnya, bahasa Kunlun merupakan bahasa yang digunakan Kemaharajaan Sriwijaya dengan seluruh daerah takluknya yang meliputi Tenggara Asia. Ternyata, bahasa Kunlun yang disebut Yi Jing dalam catatannya itu ialah bahasa Melayu Kuno.

Daripada huraian di atas jelaslah bahawa bahasa Melayu (Kuno) sudah tersebar luas di Tenggara Asia sejak kurun ketujuh kerana digunakan sebagai bahasa rasmi Kemaharajaan Sriwijaya. Itu pulalah sebabnya, bahasa Melayu mampu menjadi *lingua franca* di Tenggara Asia. Zaman Sriwijaya itu dikenal sebagai tradisi Melayu-Budha dengan tinggalannya berupa prasasti-prasasti di Kedukan Bukit, Palembang (tahun Saka 605 = 683 M.), di Talang Tuwo, Palembang (tahun Saka 606 = 864 M.), di Kota Kapur, Bangka (tahun Saka 608 = 686 M.), di Karang Berahi, hulu Sungai Merangin (tahun Saka 608 = 686 M.). Semua prasasti itu menggunakan huruf Pallawa (India Selatan) dan bercampur dengan kata pungut daripada bahasa Sanskrit.

Setelah zaman kegemilangan dan kecemerlangan Sriwijaya meredup, pusat tamadun Melayu berpindah-pindah. Perpindahan itu dimulai daripada Bintan, Temasik (Singapura), Melaka, Johor, Bintan lagi, Lingga, dan Penyengat Inderasakti.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Antara kurun ke-12 hingga kurun ke-13 berdirilah kerajaan Melayu di Selat Melaka. Kerajaan Melayu tua itu dikenal dengan nama Kerajaan Bintan-Temasik, yang wilayah kekuasaannya meliputi Kepulauan Riau dan Semenanjung Tanah Melayu. Sesudah masa Bintan-Temasik inilah termasyhur pula Kerajaan Melaka.

Pada awal kurun kelima belas Kerajaan Melaka sudah menjadi pusat perdagangan dunia di sebelah timur yang maju pesat. Para saudagar yang datang daripada Parsi, Gujarat, dan Pasai, sambil berniaga, juga menyebarkan agama Islam di seluruh wilayah kekuasaan Melaka. Tak hanya itu, mereka pun menyebarkan bahasa Melayu kerana penduduk tempatan yang mereka kunjungi tidak memahami bahasa para peniaga itu, begitu pula sebaliknya. Jalan yang harus ditempuh ialah menggunakan bahasa Melayu. Bersamaan dengan masa keemasan Melaka ini,



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

dimulailah tamadun Melayu-Islam. Dengan demikian, semenjak Kerajaan Melaka tamadun Melayu-Budha yang ada pada zaman Kerajaan Melayu-Sriwijaya ditinggalkan, digantikan dengan tamadun Melayu-Islam sehingga nilai-nilai Islam begitu bersebat dengan tamadun Melayu. Maka, termasyhurlah Melayu dengan tiga ciri utama iaini (1) berbahasa Melayu, (2) beradat-istiadat Melayu, dan (3) beragama Islam.

óMaka adalah adat Melayu itu pada mulanya berpangkal pada adat-istiadat yang dipergunakan dalam Negeri Tumasik, Bintan, dan Melaka. Maka di zaman Melaka adat itu menjadi Islam kerana rajanya pun telah Islam pula adanyaô (Tengku Tonel, 1920).

Melayu memang tidak dapat dipisahkan dengan Islam. Oleh itu, orang Melayu di dalam kehidupan sehari-hari menyebut orang yang berpindah agama daripada bukan Islam, daripada agama Hindu misalnya, kepada Islam dengan sebutan *masuk*

Melayu. Maksudnya masuk Melayu itu ialah masuk Islam atau memeluk agama



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my


Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Islam. Dengan demikian, perhubungan antara Melayu dan Islam dapat digambarkan dengan Rajah 1.1 yang diperturunkan berikut ini.



Rajah 1.1. Perhubungan antara Melayu dan Islam

Pada masa kejayaan Melaka itu bahasa dan kesusasteraan Melayu turut berkembang. Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi kerajaan, bahasa perdagangan, bahasa ilmu dan pengetahuan, di samping bahasa perhubungan sehari-hari rakyat. Bahasa Melayu yang berkembang pada zaman Melaka ini disebut bahasa Melayu Melaka. Malangnya, dalam 1511 Kerajaan Melaka dapat ditaklukkan oleh Portugis dan lebih tragis lagi, khazanah kebudayaan zaman Melaka itu musnah terbakar ketika terjadi penyerbuan oleh penjajah tersebut. Sultan Mahmud Syah I berundur ke Pahang, lalu mendirikan pusat kerajaan Melayu di Bintan dalam 1513, dengan wilayahnya selain Kepulauan Riau juga meliputi Inderagiri, Siak, Kampar, Rokan, dan lain-lain. Kota Bintan di Kepulauan Riau (Indonesia sekarang) juga diranapkan

oleh Portugis dalam 1526 sehingga Sultan Mahmud beredar ke Kampar hinggalah beliau mangkat di sana, tepatnya di Kabupaten Pelalawan, Provinsi Riau, Indonesia dalam 1528. Ini bermakna Sultan Mahmud Syah I merupakan raja terakhir dari Imperium Melayu Melaka, yang sekali gus pula menjadi sultan pertama Kerajaan Riau-Johor.

Teraju kepimpinan Melayu dilanjutkan oleh putera Sultan Mahmud Syah I yang bergelar Sultan Alaüddin Riayat Syah II. Beliau mendirikan kerajaan baru Melayu yang pemerintahannya berpusat di Johor dalam 1530. Beliau berkali-kali berusaha untuk merebut kembali Melaka, tetapi tetap tak berjaya.

Walaupun begitu, di Johor ini dilakukan pembinaan dan pengembangan bahasa dan kesusasteraan untuk menggantikan khazanah Melaka yang telah musnah.

Di samping itu, diterbitkan pula karya-karya baru. Di antara karya tradisi Johor itu yang terkenal ialah *Sejarah Melayu (Sulalat al-Salatin 'Peraturan Segala Raja')* tulisan Tun Muhammad Seri Lanang yang bergelar Bendahara Paduka Raja. Karya yang amat masyhur itu mulai ditulis di Johor dalam 1535 dan baru selesai dalam 1021 H. bersamaan dengan 13 Mei 1612 di Lingga. Bahasa yang digunakan dalam tradisi Johor ini biasa disebut bahasa Melayu Riau-Johor atau bahasa Melayu Johor-Riau.

Mengikut Muhammad Haji Salleh (2009:ix), teks-teks yang dikenali sebagai *Sejarah Melayu (Sulalat al-Salatin)* telah ditulis dalam bentuk yang lebih dasar di Negeri Melaka pada zaman Kerajaan Melayu Melaka. Karya ini ditulis di Johor dalam 1612 dan menjadi karya yang amat penting kerana tiga perkara: kandungan, bahasa, dan seni persembahannya.

Pada masa Kerajaan Riau-Johor atau lengkapnya dikenal dengan nama Kerajaan Riau-Lingga-Johor-Pahang, pusat kerajaan selalu berpindah-pindah. Perpindahan itu meliputi kawasan-kawasan Melayu di Kepulauan Riau dan Semenanjung Tanah Melayu: Bintan, Lingga, Penyengat Inderasakti, dan Johor (yang meliputi Temasik atau Singapura), dan Pahang. Kesemuanya itu dilakukan oleh raja-raja Melayu sebagai siasat untuk menghadapi penjajah.

Misi Belanda yang dipimpin oleh William Valentijn yang berkunjung ke Kepulauan Riau pada 2 Mei 1687 mendapati kawasan ini telah menjadi bandar perniagaan yang maju dan ramai. Kala itu Kerajaan Riau-Johor berpusat di Hulu Riau, Sungai Carang, Pulau Bintan (kawasan Kota Tanjungpinang, Provinsi Kepulauan Riau, Indonesia sekarang). Orang-orang dari pelbagai penjuru dunia datang ke sana dan mereka sangat terkesan akan kepriawaian orang Melayu dalam mengelola perniagaan dan pelbagai kemahiran dalam bidang kelautan (maritim) dan kepelabuhanan.

Dalam 1778 perdagangan di Kerajaan Riau-Lingga-Johor-Pahang bertambah maju dengan pesat. Dengan sendirinya, rakyat hidup sejahtera dan kerajaan sangat makmur, yang diikuti oleh kehidupan beragama Islam yang berkembang pesat. Kala itu pemerintahan dipimpin oleh Sultan Mahmud Riayat Syah ibni almarhum Sultan Abdul Jalil Muazam Syah, Yang Dipertuan Besar Kerajaan Riau-Lingga-Johor-Pahang, dan Raja Haji ibni almarhum Daing Celak, Yang Dipertuan Muda IV Kerajaan Riau-Lingga-Johor-Pahang. Mereka pulalah yang membangun persatuan (koalisi) nusantara yang terdiri daripada Batu Bahara, Siak, Inderagiri, Jambi, Kalimantan, Selangor, Naning, dan Rembau, bahkan mencuba berhubung dengan para raja dan pemimpin rakyat di Pulau Jawa untuk melawan kumpeni Belanda untuk



membela maruah bangsanya, bangsa Melayu. Akhirnya, Raja Haji syahid di medan perang pada 19 Juni 1784 di Teluk Ketapang, Melaka. Beliau setelah meninggal dunia digelar dengan nama Raja Haji Fisabilillah atau Marhum Teluk Ketapang. Atas perjuangannya membela nama dan maruah bangsa, beliau dianugerahi gelar Pahlawan Nasional oleh Pemerintah Republik Indonesia.

Dalam 1824, melalui Perjanjian London (*Treaty of London*), Kerajaan Riau-Lingga-Johor-Pahang dipecah dua oleh penjajah Belanda dan Inggeris. Riau-Lingga berada di bawah penjagaan Belanda, sedangkan Johor-Pahang di bawah Inggeris. Semenjak itu, terpisahlah bangsa Melayu yang berada di Selat Melaka dalam naungan pentadbiran geopolitik yang berbeza.

Di kawasan Kerajaan Riau-Lingga-Johor-Pahang aktiviti intelektual sebagai ciri utama tamadun Melayu mendapat perhatian yang sangat bererti. Pada permulaan kurun ke-19 di Singapura bersinar kepengarangan Munsyi Abdullah bin Abdulkadir. Buah karyanya yang kesemuanya dalam bahasa Melayu, antara lain, *Syair Singapura Terbakar* (1830), *Kisah Pelayaran Abdullah dari Singapura ke Kelantan* (1838), *Dawa ul-Kulub* (?), *Syair Kampung Gelam Terbakar* (1847), *Hikayat Abdullah* (1849), *Kisah Pelayaran Abdullah ke Negeri Jedah* (1854). Selain itu, karya-karya terjemahannya, antara lain, *Hikayat Pancatanderan* (1835), *Injil Matheus* (bersama Thomsen), *Kisah Rasul-Rasul*, dan *Henry dan Pengasuhnya* (bersama Paderi Keasberry). Karya-karya Munsyi Abdullah itu penting ertinya bagi perkembangan dan pengembangan bahasa Melayu.

Kreativiti ilmu, pengetahuan, agama Islam, seni, dan budaya mengalir dengan subur di Kerajaan Riau-Lingga pada pertengahan dan akhir kurun ke-19 serta awal kurun ke-20. Oleh itu, tidak berlebihan apabila disebutkan bahawa dalam kurun itu



Kerajaan Riau-Lingga menjadi pusat tamadun Melayu-Islam. Salah seorang cendekiawan yang paling produktif menghasilkan karya dalam pelbagai bidang ilmu kala itu ialah Raja Ali Haji ibni Raja Ahmad Engku Haji Tua.

Raja Ali Haji *rahimahullah* (1808ò 1873) paling masyhur di antara kaum intelektual Kerajaan Riau-Lingga kala itu. Beliau telah menulis dua buah buku dalam bidang bahasa Melayu yang juga bercampur dengan bidang pendidikan iaitu *Bustan al-Katibin* (1850) dan *Kitab Pengetahuan Bahasa* (1858). Buah karya beliau yang lain dalam bidang hukum dan pemerintahan iaitu *Muqaddima Fi Intizam* (1887) dan *Tsamarat Al-Muhimmah* (1888). Karya beliau dalam bidang sejarah iaitu *Tuhfat Al-Nafis* (1865), *Silsilah Melayu dan Bugis* (1866), *Tawarikh al-Sughra*, *Tawarikh al-Wusta*, *Tawarikh al-Kubra*, dan diperkirakan beliau juga menulis naskah *Peringatan*

 05-4506832
  pustaka.upsi.edu.my
  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
  PustakaTBainun
  ptbupsi

Sejarah Negeri Johor dan Sejarah Riau-Lingga dan Daerah Takluknya. Beliau pun menulis dalam bidang falsafah Melayu yang bersumber daripada agama Islam yang digubah dalam bentuk puisi yakni karya yang sangat termsyhur *Gurindam Dua Belas* (1847). Tulisan beliau dalam bidang sastera (puisi), yang ada juga berbaur dengan bidang agama iaitu *Syair Abdul Muluk* (1846), *Syair Suluh Pegawai* (1866), dan *Syair Siti Shianah* (1866), *Syair Awai*, *Syair Sinar Gemala Mestika Alam* (1895), *Syair Taman Permata*, dan *Syair Warnasarie*. Jenis puisi yang khas iaini campuran daripada pantun dan syair ada juga ditulis beliau iaitu *Ikat-Ikatan Dua Belas Puji* (1858).

Raja Ali Haji sangat dihargai dan dihormati kerana jasanya membina dan mengembangkan bahasa Melayu, yang kemudian menjadi bahasa nasional Indonesia. Pada Sabtu, 29 April 2000 Presiden Republik Indonesia kala itu, Haji Abdurrahman Wahid (Gus Dur), membuka Temu Akbar I Thariqat Muṭtabarah Se-Sumatera, di



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Masjid Agung Annur, Pekanbaru, Provinsi Riau, Indonesia. Dalam pidatonya beliau menegaskan pengakuan Pemerintah Republik Indonesia ke atas jasa pahlawan Raja Ali Haji dalam mempersatukan bangsa dan menciptakan bahasa nasional. “Tanpa jasa beliau itu, kita belum tentu menjadi bangsa yang kokoh seperti sekarang ini,” kata Haji Abdurrahman Wahid, yang memangku jabatan Presiden Republik Indonesia kala itu. Kerana jasa-jasanya itu, oleh Pemerintah Republik Indonesia, Raja Ali Haji ditabalkan menjadi Pahlawan Nasional Indonesia dan Bapak bahasa Melayu pada 6 November 2004 yang penganugerahannya diberikan oleh Presiden Republik Indonesia, Dr. H. Susilo Bambang Yudhoyono (Abdul Malik, 2012:275).

Selepas Raja Ali Haji wafat, untuk mengoptimalkan kreativiti intelektual dan kultural mereka, para cendekiawan dan budayawan Kerajaan Riau-Lingga, menerus



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Raja Ali Haji, mendirikan pula Rusydiyah Kelab dalam 1880. Rusydiyah Kelab merupakan perkumpulan cendekiawan Riau-Lingga, tempat mereka membahas pelbagai hal yang berkaitan dengan hal-ehwal pekerjaan intelektual mereka itu.

Dunia kepengarangan tidak akan lengkap tanpa percetakan. Sadar akan kenyataan itu, kerajaan mendirikan percetakan (1) Rumah Cap Kerajaan di Lingga, (2) Mathba’at Al-Riauwyah di Penyengat, dan (3) Al-Ahmadiyah Press di Singapura. Dengan adanya ketiga percetakan itu, karya-karya daripada Kerajaan Riau-Lingga itu dapat dicetak dengan baik, yang kemudiannya disebarluaskan, termasuklah karya-karya Raja Ali Haji.

Bahasa dan kebudayaan Melayu yang dibina dan dikembangkan pada masa Imperium Melayu sejak abad ke-14 sampai dengan abad ke-19 itu disebut bahasa Melayu klasik. Ciri utamanya ialah begitu melekat dan bersebatinya bahasa Melayu itu dengan tamadun Islam. Oleh itu, tamadun yang dinaunginya terkenal dengan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

sebutan tamadun Melayu-Islam. Daripada tamadun itulah bangsa Melayu mewarisi tulisan Jawi atau tulisan Arab-Melayu sejak Kerajaan Melayu Melaka.

Kecanggihan dan keunggulan tamadun Melayu disebabkan oleh bersebatinya budi di dalam semua aspek tamadun tersebut. Kehalusan budi membezakan kebudayaan Melayu dengan kebudayaan bangsa-bangsa lain di dunia ini.

Perihal pentingnya budi bagi orang Melayu banyak terdapat di dalam karya sastra Melayu. Di dalam pantun, misalnya, perihal mustahaknya budi sangat banyak disebut. Di antara pantun tersebut adalah dua bait pantun berikut ini.

Pisang emas bawa berlayar

Masak sebiji di dalam peti

Utang emas boleh dibayar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Utang budi dibawa mati

Nyiur gading puncak mahligai

Gunung Daik bercabang tiga

Hancur badan tulang berkecai

Budi baik dikenang juga

Selain di dalam pantun, budi juga banyak diungkapkan di dalam ungkapan Melayu. Di antara ungkapan itu sebagai berikut.

Hidup dalam pekerti

Mati dalam budi

(Tenas Effendy, 2003:23).

Tenas Effendy juga mengemukakan tanda-tanda orang berbudi yang terdapat di dalam ungkapan Melayu. Berikut ini ungkapan Melayu yang dimaksudkan itu.

Apa tanda orang berbudi?
 Tahu memelihara budi pekerti,
 Tahu hidup berputih hati,
 Tahu kepada kebodohan diri,
 Tahu harta membawa bala,
 Tahu pangkat membawa mudarat,
 Tahu puji membawa keji,
 Tahu sayang membawa malang,
 Tahu kasih membawa selisih.

 05-4506832
  pustaka.upsi.edu.my
  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
  PustakaTBainun
  ptbupsi

(Abdul Latiff Abu Bakar, 2004:23ò 24).

Selanjutnya, disebutkan juga bahawa pemimpin harus memiliki kehalusan budi. Ungkapan tentang budi pemimpin itu sebagai berikut.

Yang disebut pemimpin abdi,
 hidup berjasa mati berbudi,
 kepentingan umat ia santuni,
 kepentingan negeri ia dahului,
 kepentingan dirinya ia batasi.

(Abdul Latiff Abu Bakar, 2004:27).

Sebuah ungkapan tentang budi yang juga sangat terkenal di kalangan orang Melayu adalah sebagai diperturunkan berikut ini.